

17 JAN 2001

Mahathir-Jepun

MAHATHIR BERLEPAS KE JEPUN UNTUK LAWATAN KERJA EMPAT HARI

SEPANG, 17 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Jepun malam ini untuk lawatan kerja empat hari.

Perdana Menteri akan berada di Osaka untuk menyampaikan ucap tama pada simposium mengenai "Menggalakkan Persefahaman Bersama bagi Negara-negara Asia, Jepun terutama Kansai," di Pusat Antarabangsa Osaka.

Simposium itu dianjurkan oleh Mainichi Shimbun untuk mendapatkan pandangan dan idea mengenai Asia, cabaran dan isu yang dihadapi Asia terutama dalam alaf baru ini.

Dr Mahathir diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri-menteri lain.

Hadir sama ialah Datuk Shahrizat Abdul Jalil yang baru dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Senator Datuk M.Kayveas yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Perdana Menteri juga dijangka mengadakan pertemuan dengan pengerusi Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren) Yoshihisa Akiyama yang juga merupakan presiden Kansai Electric Power Co.

Kankeiren merupakan sebuah pertubuhan bukan mencari keuntungan yang dianggotai kira-kira 860 perbadanan dan pertubuhan utama.

Dr Mahathir dijadual menghadiri satu majlis sempena penerbitan sebuah buku yang berasaskan artikelnya dalam akhbar Mainichi Shimbun.

Buku itu merupakan kompilasi 17 siri ruangan bulanan mengandungi komen dan pendapatnya yang disiarkan dari Februari 1999 hingga Jun tahun lepas. Buku itu dilancarkan di Jepun bulan lalu.

Pada hari kedua lawatannya, Dr Mahathir dijadual mengunjungi kilang Cecair Sharp di bandaraya Tenri, daerah Nara untuk meninjau pembangunan Sharp dalam paparan cecair kristal (LCD).

Dr Mahathir juga akan melawat Osaka Electro-Communication University, sebuah institusi berusia 50 tahun yang membuat pengkhususan dalam Teknologi Maklumat, bagi meninjau Jabatan Media-Budaya Maklumat yang ditubuhkan tahun lepas.

Perdana Menteri akan mengadakan dialog dengan para pelajar Malaysia yang menuntut di wilayah Kansai di Rihga Royal Hotel Osaka, tempat penginapan beliau semasa lawatan ini.

Pada hari ketiga di bandaraya yang menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2008 itu, Dr Mahathir akan mengambil bahagian dalam rakaman forum Rangkaian Televisyen Fuji mengenai pandangan dan idea pada kurun ke-21-Masa Depan Asia dan Pilihan Jepun."

Perdana Menteri dijadual kembali ke tanah air pada Ahad.

-- BERNAMA

NHA ES RON NAK